

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS MAKAN
MALAM BARISAN NASIONAL SARAWAK DI
BOULEVARD DEPAN DEWAN UNDANGAN
NEGERI, DI KUGHING, SARAWAK, PADA
29 HB APRIL, 1978 - JAM 9.00 MALAM

1. Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak, merangkap Pengerusi Barisan Nasional Sarawak.
2. Y.B. Menteri-Menteri Persekutuan,
3. Y.B. Timbalan-Timbalan Ketua Menteri Sarawak,
4. Y.B. Menteri-Menteri dan Menteri-Menteri Muda Sarawak,
5. Pemimpin-pemimpin Parti Anggota Barisan Nasional Negeri Sarawak,
6. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya sungguh gembira pada malam ini kerana dapat berkenalan serta beramah mesra dengan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli parti anggota Barisan Nasional Sarawak. Saya mengucapkan berbanyak terimakasih

kepada Datuk Patinggi

serta Ketua-Ketua

parti anggota yang lain, di atas penghormatan yang diberikan kepada saya di majlis ini.

2. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Sarawak merupakan negeri yang pertama sekali menubuhkan Kerajaan Campuran, iaitu dalam tahun 1970. Sejak itu, konsep Kerajaan Campuran ini telah diterima dengan baik oleh ketiga-tiga parti yang terbesar di Sarawak iaitu PBB, SUPP dan SNAP

Dengan ini, segala dayausaha dan tenaga telah ditumpukan dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi rakyat di negeri ini.

3. Pemimpin-pemimpin Pusat dan Negeri telah berusaha mengukuhkan lagi Kerajaan Barisan Nasional, demi untuk kestabilan politik dan keselamatan di Sarawak. Memandangkan bahawa persaingan politik akan hanya menimbulkan kesan-kesan yang tidak sihat, dan akan menghalang pembangunan dan kemajuan Negeri Sarawak, pucuk pimpinan berbagai parti yang bergabung di bawah Barisan Nasional di Sarawak, telah dapat mengenyahkan kepentingan parti masing-masing, bagi meningkatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum dan keturunan di negeri ini. Kestabilan politik memang tidak merugikan mana-mana parti politik, bahkan menguntungkan rakyat, yang sangat mengharapkan

kepada sebuah kerajaan yang jujur, dinamis dan efektif. Sebaliknya, ketidak stabilan politik, akan memberi peluang kepada musuh-musuh negara, yang sentiasa mencari jalan bagi melemahkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.

4. Konsep Kerajaan Campuran seperti yang di wujudkan di Sarawak dan di peringkat Persekutuan, tidaklah bermakna bahawa identiti dan imej sesebuah parti politik yang bergabung itu terjejas, dan kegiatan serta pengaruh parti-parti tersebut, menjadi lemah. Kerajaan Campuran benar-benar menduga kemampuan dan kematangan parti-parti politik itu, bagi mencari jalan yang lebih realistik

rakyat. Dengan adanya kemampuan dan kematangan, parti-parti tersebut akan menjadi kuat. Penyertaannya di dalam Kerajaan Campuran, merupakan sumbangan parti-parti itu dalam usaha Kerajaan memenuhi keperluan dan harapan tinggi rakyat.

Konsep Kerajaan Campuran ini, memerlukan setiap parti anggota berlandaskan perjuangannya kepada issue-issue yang berfaedah kepada rakyat, dan bukan kepada issue-issue yang hanya boleh menaikkan emosi rakyat. Tanggungjawab dan peranan parti anggota sebagai sebuah parti yang mendukung

hasrat dan cita-cita rakyat adalah lebih berat daripada sebuah parti yang hanya duduk sebagai pembangkang kepada Kerajaan. Saya harap, parti-parti anggota dapat memahami hakikat, bahawa sebarang masalah yang mungkin timbul di dalam perhubungan di antara satu parti dengan parti yang lain, hendaklah diselesaikan melalui perundingan dan persefahaman. Persefahaman, ataupun perbalahan sesama sendiri, hendaklah diatasi dengan semangat persaudaraan, dan persefahaman keluarga, dan bukanlah secara terbuka. Perbalahan-perbalahan terbuka, akan menyebabkan rakyat meragu-ragukan konsep Kerajaan Campuran. Ini tidak menguntungkan sesiapa, dan

sebaliknya, pihak-pihak yang jahat akan mengambil peluang menimbulkan kekacauan dan huru-hara, dengan tujuan merampas kuasa dengan kekerasan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Sebagaimana kita sedia maklum, tempuh kita memegang kuasa pentadbiran Kerajaan, akan berakhir pada bulan Ogos tahun depan. Kita terpaksa menemui rakyat jelata bagi mendapatkan mandat yang baru. Oleh itu, adalah lebih penting lagi, bagi setiap parti anggota, bukan sahaja mengukuhkan partinya sendiri, bahkan bersama-sama membantu mengukuhkan Barisan Nasional dengan

mewujudkan persefahaman yang lebih erat dan mesra lagi. Dalam keadaan / dan masa yang kita akan hadapi ini, janganlah pula ada parti-parti anggota yang hendak mengambil peluang, melemahkan parti-parti rakannya Perbuatan seperti ini akan dengan sendirinya melemahkan Barisan Nasional. Dalam menghadapi pilihanraya, kita hendaklah mengukuhkan barisan kita, serta bekerjasama dengan lebih rapat dan erat lagi, dengan penuh persefahaman, supaya dapat memperolehi kemenangan yang cemerlang, dan bagi Sarawak, kemenangan 100 peratus.

7. Dengan wujudnya persefahaman dan kerjasama di kalangan berbagai parti politik di negeri ini, sepatutnya tidak perlu ada parti pembangkang

8A.

dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak. Apa yang diperlukan, ialah sikap kejujuran dan dedikasi di kalangan pucuk pimpinan, terutama mereka yang memegang dan terlibat dalam jentera pentadbiran Kerajaan.

..9/-

8. Saya harap, setiap pemimpin dan ahli parti anggota dapat terus memelihara dan mengekalkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Barisan Nasional. Dalam ucapan saya di Majlis Jamuan Negeri semalam, saya telahpun memberi garisan dan panduan, supaya Kerajaan Negeri lebih menitekberatkan usaha-usaha yang lebih, bagi meningkatkan pendapatan rakyat miskin, dan mengadakan kemudahan-kemudahan bagi memperbaiki keadaan hidup rakyat, terutama petani-petani dan pekebun-pekebun kecil, khususnya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman. Tiap-tiap pemimpin dan ahli, mastilah sanggup berkorban, supaya memberi khidmat yang lebih berkesan kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. ~~Sekalipun saya belum lagi dapat memutuskan sama ada pilihanraya patut diadakan tahun ini atau tahun depan, Setiap parti anggota hendaklah *untuk pilihanraya.* membuat persiapan-persiapan ~~yang perlu.~~ *Jentera dan parti² anggotanya,* pilihanraya Barisan Nasional hendaklah diletakkan dalam keadaan bersiap sedia pada setiap masa.~~

10. Barisan Nasional di semua peringkat mestilah membuat segala persiapan dan persediaan seolah-olah kita akan menghadapi tentangan hebat dari parti lawan.

Dengan jalan ini, kita dapatlah menghadapi sebarang cabaran, dalam apa jua bentuk dan keadaan, sekalipun dengan secara tiba-tiba atau tergesa-gesa.

...12/-

11. Saya tidaklah merasa jemu mengulangi ingatan saya, supaya setiap parti anggota Barisan Nasional, sentiasa meletakkan kepentingan negara dan kepentingan Barisan Nasional, di atas segala kepentingan parti masing-masing. Tiap-tiap seorang dari kita, iaitu dari peringkat yang serendah-rendahnya sebagai ahli biasa, hinggalah keperingkat pucuk pimpinan yang paling tinggi, mempunyai tugas dan peranan masing-masing, bagi memastikan kejayaan cemerlang Barisan Nasional, dan kemenangan setiap calon Barisan Nasional yang bertanding dalam pilihanraya yang akan datang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terimakasih kerana jamuan makan malam ini.

Saya pernah mendengar orang berkata, bahawa kemesraan dan kemurahan hati orang-orang Sarawak, sukar hendak ditandingi, sekali termakan budi, terkenang sampai mati, sehingga kerap lagi hendak datang kemari.

Terimakasih.



No Siri	362
No. Penerimaan	28/81